



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN MANUAL DEALING WITH
CONSTRUCTION PERMIT (DCP) SEBERANG
PERAI

OLEH

YANG BERTHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO
**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU
PINANG MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA
PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN & PERANCANGAN
BANDAR & DESA**

TARIKH / MASA / TEMPAT
11 JANUARI 2019 (JUMAAT)
8.15 pagi

HOTEL THE LIGHT
SEBERANG JAYA
SEBERANG PERAI TENGAH

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan & Perancangan Bandar & Desa

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod

Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Kakitangan-Kakitangan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Pelancaran Manual *Dealing With Construction Permit* (DCP) Seberang Perai yang diadakan di Hotel The Light, Seberang Jaya.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan dan semua yang hadir bersama MPSP berkumpul pada pagi yang barakah ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MPSP telah mengisytiharkan tahun 2019 sebagai *People centric year* yang akan memberi tumpuan kepada remaja, warga emas dan golongan B40 bagi membina masyarakat yang progresif, mencintai alam sekitar dan menyayangi sesama insan termasuk haiwan dan tumbuh-tumbuhan. *People*

Centric atau kerajaan berpaksikan rakyat tidak memberi makna sekiranya penyampaian perkhidmatan gagal dilaksanakan secara berkesan.

Justeru *Manual Dealing With Construction Permit (DCP)* Seberang Perai adalah *outcome* daripada Business Process Reengineering (BPR) ke atas prosidur utama dan tempoh masa, untuk mengurangkan karenah birokrasi atau *red tape* dalam segala urusan yang melibatkan kelulusan Pelan Pembangunan. Keputusan kepada sesuatu permohonan dapat dilakukan dengan cepat dan tepat. Walau bagaimanapun, kehendak undang-undang, peraturan dan dasar masih dipatuhi.

DCP adalah singkatan untuk *Dealing With Construction Permits*. Ianya adalah istilah yang digunakan oleh *World Bank* untuk mengukur prestasi dalam urusan mendapatkan permit atau kebenaran pembangunan. *Manual Dealing With Construction Permit (DCP)* Seberang Perai telah berjaya mengurangkan dari 55 prosidur kepada 21 prosidur manakala tempoh memperolehi kebenaran merancang telah dapat dipendekkan dari 108 hari kepada 72 hari.

Saya berasa bangga kerana MPSP adalah salah satu daripada enam (6) PBT yang terpilih untuk melancarkan program ini. Antara PBT yang

terpilih ialah Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), Majlis Bandaraya Johor Bharu (MBJB), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Saya ingin ucapkan terima kasih dan penghargaan kepada perunding yang dilantik oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) iaitu Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), *Malaysian Productivity Centre* (MPC) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) kerana memudah cara dalam pembentukan Manual DCP Seberang Perai sehingga membawa MPSP menjadi Majlis Perbandaran yang pertama di Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ketiga di Malaysia yang berjaya melancarkan *Manual Dealing With Construction Permit (DCP)*.

MPSP telah mula melaksanakan program ini pada 28 Julai 2017 dengan melantik Ahli-Ahli Pasukan *Focus Group DCP* di peringkat MPSP. Sebanyak 26 jabatan luar dan dalam terlibat dalam mewujudkan manual DCP ini. Sebanyak tiga (3) kali mesyuarat bersama agensi kerajaan dan teknikal, empat (4) kali bengkel, tiga (3) kali perbincangan bersama pihak Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) dan satu (1) kali mesyuarat bersama pihak KPKT diadakan sebelum Manual DCP Seberang Perai ini berjaya dilancarkan.

Proses mewujudkan Manual DCP Seberang Perai melibatkan enam (6) proses iaitu *data gathering*; Permit untuk Kelulusan Merancang, bangunan, kejuruteraan dan *detail drawing*; *Notify to Start Work*, *Interim Inspection*; *Final Inspection*; dan Deposit *Certificate Completion and Compliance* (CCC). Kriteria permohonan adalah seperti berikut:

- i. Luas Pemajuan adalah lima (5) ekar ke bawah.
- ii. Pembangunan tidak melebihi tiga (3) tingkat.
- iii. Mematuhi Zon Perancangan Semasa.
- iv. Pembangunan adalah selamat dengan syarat–syarat nyata tanah sebagaimana yang terkandung di dalam geran bagi tanah tersebut.
- v. Pembangunan tersebut hendaklah berada di luar Zon Warisan.
- vi. Pemajuan tidak melibatkan perihal tanah (Kategori dan syarat nyata).
- vii. Pembangunan Bukan Strata.
- viii. Infrastruktur luar sempadan sediada, infrastruktur dalam tapak perlu disediakan.
- ix. Sistem kumbahan yang menggunakan tangki septik individu atau sambungan ke sistem pembentungan sediada selaras dengan panduan SPAN edisi ke 2017 (risiko rendah).
- x. Pemajuan yang melibatkan pembinaan baru atau bina semula.

- xi. Topografi tapak adalah rata dan berada di luar kawasan sensitive alam sekitar.
- xii. Bekalan air melibatkan penggunaan air 10,000 liter ke bawah, paip berdiameter 150mm di pasang ke bawah jenis (CLDI) dan panjang paip kurang 500m.
- xiii. Keperluan Jabatan Bomba dan Penyelamat tanpa sistem atau dengan sistem mengikut Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (Pindaan 2012).

Oleh itu, saya berharap semua jabatan dan agensi-agensi yang terlibat memainkan peranan masing-masing bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan ini. Saya juga ingin menyarankan agar pihak-pihak perunding juga dapat memainkan peranan secara profesional untuk memastikan program atau hasrat ini dapat dilaksanakan dengan jayanya untuk kelangsungan perkembangan dan pertumbuhan Seberang Perai.

Dengan wujudnya Manual DCP Seberang Perai, saya berharap agar lebih banyak peluang-peluang pekerjaan khususnya kepada golongan B40 dan ruang-ruang pelaburan dapat ditingkatkan, dapat mengurangkan tanggungan kos pengurusan pembinaan kepada *stakeholders*, menjadikan Pulau Pinang khususnya Seberang Perai berada di tangga tertinggi dalam *ease of doing business* dan lebih kompetatif untuk pelaburan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Pada hari ini juga, MPSP ingin memberi penghargaan dan berkongsi kejayaan MPSP dengan semua Ahli Jawatankuasa OSC khususnya jabatan-jabatan teknikal dalaman dan agensi-agensi teknikal luaran serta Ahli-Ahli Majlis MPSP yang telah memberikan komitmen penuh dalam mengeluarkan ulasan-ulasan teknikal serta pandangan yang seterusnya mempercepat kelulusan Kebenaran Merancang serta pengeluaran Borang C1.

Pada tahun 2018, kali pertama dalam sejarah penubuhan Jawatan Kuasa OSC, MPSP telah berjaya mencapai 100% KPI yang telah ditetapkan oleh KPKT, iaitu menimbang dan memutuskan 133 Permohonan Kebenaran Merancang dalam tempoh 108 hari dan mencapai 100% KPI MPSP dalam meluluskan Plan Kerja Tanah dan Plan Landskap. Peningkatan sebanyak 6.51% berbanding hanya 93.49% permohonan Kebenaran Merancang yang telah berjaya diselesaikan dalam tempoh yang sama bagi tahun 2017.

Tahniah kepada Encik Ismail Bin Abdul Manaf, Ketua Unit OSC dan Puan Norliza Binti Abdullah, Pengarah Perancang Bandar MPSP. Saya

juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa OSC yang terdiri daripada enam (6) orang Ahli Majlis MPSP iaitu Encik Tan Cheong Heng, Encik Mohd Sharmizan, Cik Heng Yeh Shiuan, Encik Johnson a/l Anthonysamy, Encik Wong Chee Keet dan Encik Zulkipli Bin Ishak serta tiga belas (13) jabatan dalaman MPSP, empat belas (14) agensi luaran yang selama ini sentiasa memberi sokongan kepada saya untuk mencapai kejayaan ini. Jabatan-jabatan teknikal luaran adalah seperti berikut:

- (1) PLANMalaysia@Pulau Pinang (JPBD)
- (2) Pejabat Tanah dan Galian (PTG)
- (3) Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang (JAS)
- (4) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)
- (5) Pejabat Daerah dan Tanah (PTD)
- (6) Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKR)
- (7) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBA)
- (8) Tenaga Nasional Berhad (TNB)
- (9) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- (10) Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK)

- (11) Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM)
- (12) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
- (13) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
- (14) Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MPSP sentiasa bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam memastikan keberkesanan dan ketelusan urustadbir yang lebih cemerlang. Pihak KPKT juga boleh memantau terus keputusan Permohonan Kebenaran Merancang melalui portal OSC dan portal ini juga dapat diakses oleh para pemohon bagi mengetahui status permohonan masing-masing. Oleh itu, saya berharap dengan pelancaran ini merupakan permulaan bagi pertumbuhan yang lebih rancak lagi di Seberang Perai sekaligus dapat memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada rakyat sejajar dengan wawasan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Marilah kita semua termasuk jabatan-jabatan, agensi-agensi luar, perunding-perunding berganding bahu menyempurnakan hasrat ini.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih.